

03 JUL 1996

Olimpik-Fadzil

TIADA GANJARAN LUMAYAN JIKA PEMAIN BADMINTON BERJAYA DI ATLANTA

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Sukan Olimpik Atlanta menyediakan peluang terbaik bagi para pemain badminton negara untuk menebus kembali maruah setelah mengalami kekecewaan pada kejohanan Piala Thomas tetapi Persatuan Badminton Malaysia (BAM) tidak mahu terlalu ghairah dalam menawarkan ganjaran.

Presiden BAM Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan mengakui beberapa pemain sudah tersimpang daripada matlamat asal mereka ketika bertanding tetapi beliau memberi jaminan bahawa BAM akan mengambil sikap berhati-hati di masa hadapan.

"Saya bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri. Kita boleh menerima penajaan dan ganjaran yang boleh menyemarakkan semangat para pemain untuk mencapai kejayaan tetapi bukan untuk memanjakan mereka," katanya pada majlis bagi mengumumkan penajaan John Hancock Life Insurance (M) Berhad bagi kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu mesyuarat majlis Sukom KL '98 dua hari lalu bahawa pihak berkuasa tempatan, persatuan-persatuan kebangsaan, syarikat dan penaja jangan terlalu ghairah dalam memberi ganjaran bagi sesuatu kejayaan dalam sukan.

Dr Mahathir berkata amalan itu secara tidak langsung akan melahirkan generasi atlit yang akan lebih mementingkan insentif kewangan daripada kebanggaan mewakili negara.

Dr Abdullah, yang juga ketua kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik, berkata Malaysia berpeluang memenangi pingat emasnya yang pertama dalam Sukan Olimpik menerusi pasangan beregu Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock.

"Mereka kini menduduki tempat kedua dalam senarai dunia dan ini sudah mencukupi untuk memenangi sekurang-kurangnya pingat perak. Kedudukan itu akan memotivasikan mereka dan kemenangan pingat emas tidak sukar," katanya.

Beliau berkata semua pemain bersemangat selepas kekalahan mereka di pusingan pertama Piala Thomas di Hong Kong dan Sukan Olimpik sudah pasti memberi mereka peluang untuk menebus kekalahan itu.

John Hancock akan memberi ganjaran sejumlah RM20,000 kepada lima atlit terbaik negara di Atlanta. Para pemilih akan memilih seorang atlit masing-masing dari acara badminton, hoki, olahraga dan renang dan seorang lagi sama ada dari sukan tinju, perahu layar, berkenu atau menembak.

Setiap atlit yang dipilih akan menerima Anugerah Atlit Sukan John Hancock, pingat emas yang direka khas dan RM3,000 manakala setiap persatuan menerima RM1,000.

Syarikat itu akan juga menyediakan insurans berkelompok berjumlah RM50,000 kepada kontinjen itu yang terdiri daripada 66 atlit dan pegawai.

-- BERNAMA

AR AKD